

09 DEC 2000

Mahathir-teknologi

DR MAHATHIR MINTA KAKITANGAN AWAM TINGKAT KEMAHIRAN GUNA TEKNOLOGI  
MODEN

KUALA LUMPUR, 9 Dis (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kakitangan kerajaan perlu terus mempelajari dan meningkatkan kemahiran menggunakan teknologi terkini supaya dapat memberikan perkhidmatan yang baik dan menambah produktiviti.

Kerajaan menggalakkan semua kementerian, jabatan dan agensinya menggunakan teknologi moden dalam semua urusan kerajaan kerana tidak mahu ketinggalan, kata Perdana Menteri.

"Kita harus cuba guna teknologi baru walaupun kosnya tinggi sedikit kerana melaluinya produktiviti dapat ditingkatkan terutamanya (bagi mereka) yang memberi khidmat kepada orang ramai," katanya ketika berucap melancarkan E-dagang Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM) sempena lawatannya ke Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi di sini.

Dr Mahathir berkata gesaan kerajaan supaya jenteranya menggunakan teknologi moden dalam urusan masing-masing mendapat sambutan baik walaupun masih ada pihak yang tidak menggunakannya sepenuhnya.

Beliau berkata kakitangan kerajaan khususnya yang telah lama berkhidmat mungkin tidak begitu selesa menggunakan teknologi terbaru tetapi mereka juga perlu mempelajari dan menggunakannya secara berterusan kerana dengan cara inilah kemahiran akan dapat dipupuk.

Katanya sejak semiconductor dicipta, pelbagai peralatan baru yang mempunyai kapasiti tinggi dihasilkan dan kerajaan sentiasa mengikuti perkembangan teknologi yang menjadi usang dalam masa yang singkat.

Dr Mahathir berkata seseorang yang mahir menggunakan komputer boleh menggunakan kemahirannya itu dalam bidang yang diceburi selepas bersara termasuk berniaga.

Pada sidang media selepas itu, Perdana Menteri berkata ada sesetengah kakitangan kerajaan berasa takut untuk menggunakan teknologi moden dan masih hendak menggunakan cara lama dalam urusan kerja harian mereka.

"Golongan ini perlu menukar cara pemikiran mereka dan harus berani mencuba teknologi baru dengan bimbingan mereka yang mahir," katanya.

Dr Mahathir berkata Unit Pemodenan Tadbiran Malaysia (Mampu) juga menyediakan pelbagai kaedah bagi membantu agensi kerajaan meningkatkan kemahiran mereka menggunakan teknologi moden dalam menjalankan urusan harian.

Turut sama pada sidang media ialah Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi Tan Sri Kasitah Gaddam.

--BERNAMA

APG MAI